

Date and Time: Sunday, 15 February 2026 11:56□pm +08

Job Number: 275786979

Document (1)

1. [Datin Noraini bt Mohamad lwn Mohamad Syazwan bin Roslan \[2025\] MLJU 4584](#)

Client/Matter: -None-

Search Terms: datin noraini bt mohamad lwn mohamad syazwan bin roslan - [2025] mlju 4584

Search Type: Natural Language

Narrowed by:

Content Type
MY Cases

Narrowed by
-None-



DATIN NORAINI BT MOHAMAD v MOHAMAD SYAZWAN BIN ROSLAN

Case Analysis

[2025] MLJU 4584

Datin Noraini bt Mohamad Iwn Mohamad Syazwan bin Roslan [2025] MLJU 4584

Malayan Law Journal Unreported

MAHKAMAH TINGGI (KOTA BHARU)

HASBULLAH ADAM H

RAYUAN SIVIL NO DA-12B-46-12 TAHUN 2023

30 December 2025

Ahmad Mukmin (Mukmin Azmi & Co) bagi pihak plaintif/perayu.

Syazwan Hasim Rosdi (Syazwan Hasim & Azeel Eskandar) bagi pihak defendan/responden.

Hasbullah Adam H:

ALASAN PENGHAKIMAN

Pendahuluan

[1] Pihak-pihak dirujuk dalam Alasan Penghakiman ini sebagaimana rujukan pihak-pihak dalam kes perbicaraan dalam Mahkamah Sesyen.

[2] Kes ini merupakan rayuan oleh Datin Noraini binti Mohamad (**“Plaintif”**) terhadap keputusan Hakim Mahkamah Sesyen Kota Bharu pada 20.12.2023 yang menolak tuntutan Plaintif dengan kos sebanyak RM10,000.00.

[3] Pada 24.12.2024, Mahkamah ini telah memutuskan menolak rayuan Plaintif dengan kos sebanyak RM2000.00 yang mana Penghakiman HMS adalah dikekalkan.

[4] Plaintif yang tidak berpuas hati terhadap keputusan Mahkamah ini telah memfailkan notis rayuan (kandungan 18) ke Mahkamah Rayuan bertarikh 15.1.2025.

Latar belakang kes

[5] Mohamad Syazwan Bin Roslan (**“Defendan”**) telah berkahwin dengan anak kandung Plaintif yang bernama Wan Nur Syazwani binti Wan Adzlan (**“Isteri Defendan”**) sejak 18.12.2018 dan telah dikurniakan dengan seorang anak lelaki iaitu Shiraz Raqib bin Mohamad Syazwan. Dengan erti kata lain, hubungan antara Plaintif dengan Defendan adalah merupakan hubungan antara mentua dengan menantu.

[6] Pada sekitar 11.6.2021, telah berlaku perselisihan faham antara Defendan dengan Isteri Defendan sehingga menyebabkan Defendan disuruh tidur di sebuah bilik berasingan. Pada sekitar jam 3.15 pagi, Defendan menghubungi Isteri Defendan melalui aplikasi whatsapp menyatakan ingin mengambil barang dari dalam bilik dan menyatakan juga teks *“Kalu aku sentuh mu malam ni jatuh talak”*. Namun tiada apa-apa tindakan susulan yang membawa kepada berlakunya perceraian menurut hukum syarak pada masa itu.

[7] Pada sekitar 30.8.2021 pula, berlaku lagi perselisihan antara Defendan dan Isteri Defendan sehingga menyebabkan Defendan melafazkan cerai ke atas Isteri Defendan. Lanjutan daripada itu, Defendan telah diarahkan keluar dari rumah dan dihalang daripada berjumpa dengan Isteri Defendan oleh suami kepada Plaintif (bapa mentua Defendan).

[8] Seterusnya Defendan telah diserahkan sesalinan perintah ‘*mufaraqah*’ bertarikh 6.9.2021 dari Mahkamah Syariah yang diperolehi oleh Plaintif secara sebelah pihak, tanpa sebarang maklumat awal kepada Defendan dan Isteri Defendan. Adalah pada pemahaman Plaintif bahawa telah berlaku talak 3 antara Defendan dan Isteri Defendan.

[9] Defendan dan Isteri Defendan kemudiannya telah memfailkan permohonan pengesahan cerai di Mahkamah Rendah Syariah dan diputuskan bahawa perceraian yang berlaku sebagai cerai talak 2 dengan perceraian yang berlaku pada 30.8.2021 sebagai perceraian kali pertama. Walau bagaimanapun, sekali lagi Defendan terkejut apabila dihubungi oleh petugas Mahkamah Syariah bahawa Plaintif telah membuat permohonan sebelah pihak yang menggantung keputusan Mahkamah Rendah Syariah dan menguatkuasakan semula perintah ‘*mufaraqah*’ terdahulu. Justeru itu, Isteri Defendan dan anak Defendan telah diambil oleh pihak pejabat agama di rumah ibubapa Defendan.

[10] Sehubungan dengan kronologi tersebut, berlakulah penerbitan, penyiaran atau hantaran 4 kenyataan yang menjadi perkara subjek dalam saman fitnah ini yang tidak dipertikaikan pun oleh Defendan tentang kewujudannya. Kenyataan yang didakwa oleh Plaintif bersifat fitnah adalah frasa ayat yang ditandakan dengan **bold** dalam kenyataan-kenyataan tersebut.

[11] Kenyataan pertama telah dimuat naik ke laman Facebook yang dikenali sebagai “Permasalahan Kes Di Mahkamah Syariah” bertarikh 13.10.2021 seperti berikut:

“mertua campur tangan

*Assalamualaikum, sy nk tny boleh ke mertua sy memfailkan pengesahan lafaz cerai antara dia dgn sy, alasannya adalah ragu2 dgn status sy dan isteri iaitu anknya kerana ada isu2 berbangkit yg blaku sbelum kjidian lafz dan mngatakan kami sudah talak 3, dia melantik peguam dan peguamnya tih memfailkn forensik utk menyiasat kandungan whatsapp sy dgn isteri, **sy menyangka dia berniat utk melawan sy dan meruntuhkn rumah tangga sy dgn anknya.**”*

[12] Kenyataan kedua telah dimuat naik ke laman Facebook yang sama bertarikh 31.10.2021 seperti berikut:

“assalamualaikum tuan admin dan ahli group, sy berharap kes sy ini mendapat perhatian drpd tuan admin memandangkan kes sy ini agak plik sperti yg d prkatakan oleh peguam sy

Sy telah bergaduh dgn isteri dan sy telah melafazkn cerai kpd isteri dan disaksikan oleh mertua sy kerana sy dan isteri tggil di rumahnya, setelah beberapa hari kami telah berbaik dan kami bercadang ingn ke mahkamah utk membuat pngesahan cerai, tanpa kami sedari, mertua sy telah terlebih dahulu mengfailkn pengesahan cerai antara sy dgn dia tnpa pngethuan sy dan sy langsung tidak d pggil utk membuat keterangan. Dia telah menjadi plaintif dan sy menjadi defendan dgn alas an dia ragu2 dgn status sy dan isteri atas isu2 lama yg berbangkit dan mngatakan kami telah talak 3, 90% dakwaan dia di dim saman yg dihttr kpd sy adalah tdk bnr krana sy dan isteri lbih thu apa yg blaku antra kami.dia telah melantik peguam yg sgt d kenali dgn bakat memutar belit kenyataan.memangkn mertua sy ni seorang yg berpengaruh dia telah mengarahkn peguam nya mngeluarkan perintah mufaraqah dimna dim isi kandungan perintah itu sy dilarang utk bjumpa dgn isteri dan ank sy sdgkan sy belum dibicarakan lg.soalan sy blhkah dia berbuat demikian?dia brnji akn mnyelesaikn smuanya pada Tarikh yg d ttpkn akn tetapi ketika hri sbutan pguam nya telah meminta kes d tgguhkan, dia hanya diam dan dia telah mgkir janji dan seolah2 ingin menyiksa jiwa sy dan anak isteri.

.....

*Utk pngethuan smua telah berlaku 1 perselisihan fham antra sy dgn mertua sblun sblum kjidian dan kami tidak bertegur sapa,**dia seolah2 ingin mngambil peluang yg ada ats kjidian yg blaku ini utk mnyingkirkn sy dr keluarganya dgn meruntuhkan rumah tgga sy dan sy rsa tndakan ini sgt tidak waras.** Bagaimanakah cara utk sy mnyelesaikn mslah ini,bgaimanakah juga cara utk mnyedarkn org2 yg terlibat dalam cmpurtngn hal rumah tgga sy dan isteri, **sy syak ini berlaku kerana mslah hati dan soal agama dan hkum skrg sudah d ketepikan kerana wang dan pangkat.**”*

[13] Kenyataan ketiga pula telah dimuat naik ke laman Facebook milik Defendan bertarikh 31.10.2021 seperti berikut:

“Say a di Bahagian penguatkuasa undang2 Syariah jabatan Hal ehwal agama islam negeri Kelantan... isteri saya diambil penguatkuasa agama berdasarkan perintah mufaraqah Saya dan isteri sudah buat pengesahan cerai dimhkmh Syariah

Datin Noraini bt Mohamad lwn Mohamad Syazwan bin Roslan [2025] MLJU 4584

kota baru... hakim dah sabitkan cerai talaq dua... saya dan Isteri telah rujuk. ietapi keluarga isteri telah fail kan kes rayuan ke Mahkamah tinggi Syariah negeri Kelantan dan menjadi perayu dim kes ini...

.....”

[14] Manakala kenyataan keempat pula telah dimuat naik ke laman *Facebook* milik Defendan bertarikh 12.11.2021 seperti berikut:

“MENGUBAH UNDANG2 UNTUK KEPENTINGAN SENDIRI

Dmo ada kuasa dmo ada kabel dmo ada duit dmo hanya blh gntung kputusan mahkamah kut undang2 jh hokum dmo xleh gntung,xskorkakloh tgamokjgk dmo arah pegawaipjabat agama mri igat ank natu dmo ari2 cuti pn,dmo igt mlekk dmo prelar umh tgga ore lonixpo dmo lepas,seksok2 dmo jwb

ALLAH MAHA ADIL”

Dapatan dan keputusan Hakim Mahkamah Sesyen

[15] Hakim Mahkamah Sesyen telah mengarahkan dirinya bahawa bagi tuntutan saman fitnah ini, Plaintiff perlu membuktikan elemen-elemen sepertimana dijelaskan oleh Mahkamah Rayuan dalam kes *Pardeep Kumar all Om Parkash Sharma v. Abdullah Sani bin Hashim* [2009] 2 MLJ 685 seperti berikut:

- (a) Terdapat kenyataan yang telah disiarkan kepada pihak ketiga oleh Defendan (*publication of the impugned statements*);
- (b) Kenyataan tersebut berbentuk fitnah (*statement is defamatory*); dan
- (c) Kenyataan tersebut merujuk kepada Plaintiff (refer to the Plaintiff).

[16] Defendan tidak pun mempertikaikan penyiaran kenyataan-kenyataan tersebut. Oleh yang demikian, Plaintiff hanya perlu membuktikan elemen (b) dan (c) di atas.

[17] Hakim Mahkamah Sesyen tersebut mendapati Plaintiff telah berjaya membuktikan elemen-elemen di atas. Walau bagaimanapun, setelah meneliti kes Defendan, Hakim Mahkamah Sesyen telah berpuas hati bahawa Defendan telah berjaya membuktikan di atas imbalan kebarangkalian pembelaan justifikasi menurut [seksyen 8 Akta Fitnah 1957](#) bagi kesemua 4 kenyataan yang telah disiarkan.

[18] Justeru, Hakim Mahkamah Sesyen telah memutuskan untuk menolak tuntutan Plaintiff dengan kos dan Plaintiff telah memfailkan rayuan ke Mahkamah ini.

Prinsip undang-undang berkaitan rayuan

[19] Di dalam mana-mana rayuan, Mahkamah di peringkat rayuan jarang mengganggu dapatan fakta yang telah dibuat oleh hakim perbicaraan kecuali jika wujud salah arah yang nyata. Mahkamah ini merujuk kepada kes Mahkamah Rayuan, *Lim Peng Hock & Anor v Chuah Peng San & Anor* [2021] CLJU 119 yang memutuskan -

“It is trite law that an appellate court will not intervene unless the trial court is shown to be plainly wrong in arriving at its conclusion and where there has been insufficient judicial appreciation of the evidence. The appellate court will intervene in a case where the trial court had so fundamentally misdirected itself.”

(Penekanan ditambah)

[20] Dalam kes *Lee Ing Chin @ Lee Teck Seng v. Gan Yook Chin & Anor* [2003] 2 CLJ 19, Mahkamah Rayuan telah menegaskan bahawa adalah merupakan satu undang-undang yang mantap bahawa mahkamah di peringkat rayuan secara umumnya akan keberatan untuk mengganggu penemuan fakta hakim bicara yang lebih berhak berdasarkan kelebihan audio visual yang dinikmati oleh hakim bicara di dalam penilaian dan penghayatan keterangan lisan saksi.

[21] Namun begitu, Mahkamah ini ingin menegaskan bahawa adalah menjadi suatu prinsip undang-undang yang mantap juga bahawa mahkamah yang mendengar rayuan boleh campur tangan dalam keputusan hakim bicara untuk memastikan bahawa keputusan tersebut tidak diperoleh daripada suatu dapatan yang khilaf tentang pemakaian undang-undang atau tidak mengambil kira keterangan yang relevan yang dibawa di hadapannya.

[22] Dalam hal ini, Mahkamah ini merujuk kepada kes *Sivalingan v. Periasamy* [1996] 4 CLJ 545:

*“It is trite law that this Court will not readily interfere with the findings of fact arrived at by the Court of first instance to which the law entrusts the primary task of evaluation of the evidence. But we are under a duty **to intervene in case where, as here, the trial Court has so fundamentally misdirected itself**, that one may safely say that no reasonable Court which had properly directed itself and asked the correct questions would have arrived at the same conclusion.”*

(Penekanan ditambah)

[23] Sehubungan dengan itu, dalam memastikan sama ada hakim bicara telah membuat penilaian yang betul, Mahkamah mempunyai tanggungjawab untuk meneliti keterangan yang dikemukakan melalui keterangan lisan saksi-saksi serta keterangan dokumentar di mahkamah bicara. Mahkamah hendaklah menilai secara total keterangan yang dikemukakan bukan sahaja keterangan lisan (*oral evidence*) tetapi meliputi juga keterangan dokumentar (*documentary evidence*). Oleh itu, Mahkamah hendaklah merujuk kepada rekod rayuan, alasan penghakiman Hakim Mahkamah Sesyen dan penghujahan oleh pihak-pihak.

Analisis dan dapatan

Isu pembelaan justifikasi

[24] Asas utama rayuan Plaintiff adalah atas hujahan bahawa Hakim Mahkamah Sesyen terkhilaf apabila memutuskan Defendan telah berjaya membuktikan pembelaan justifikasi.

[25] Dalam kes *Raja Syarir Abu Bakar & Anor. v. Manjeet Singh Dhillon & Other Appeals* [2019] 4 CLJ 301, Mahkamah Rayuan antara lain telah memutuskan bahawa:

“[54] First, the defence of justification, a complete defence if the defendants can establish that the defamatory words are true in substance and in fact. Such defence however, has to be specifically pleaded with full and clear particulars of the facts and matters relied on [Section 8](#) provides that a defendant who is unable to prove the truth of all the material statements in the alleged libel may nevertheless succeed in the defence of justification where the defendant can show that the words not proved to be true or truthful do not materially injure the plaintiff’s reputation. It is the truth of the imputations of the overall statement and not the truth of every word that is material.”

(Penekanan ditambah)

[26] Mahkamah ini telah meneliti alasan-alasan Hakim Mahkamah Sesyen apabila memutuskan kenyataan-kenyataan tersebut adalah benar. Mengenai kenyataan pertama bahawa mentua Defendan iaitu Plaintiff yang telah memfailkan permohonan pengesahan lafaz cerai antara Defendan dengan Isteri Defendan adalah diakui oleh Plaintiff sendiri. Plaintiff turut mengakui bahawa beliau telah memfailkan permohonan tersebut tanpa terlebih dahulu berbincang dengan Defendan dan Isteri Defendan sama ada mereka sendiri yang akan membuat permohonan pengesahan lafaz cerai atau pun membuat permohonan bersama dengan Plaintiff. Tindakan Plaintiff yang kemudiannya meneruskan permohonan untuk mendapatkan pengesahan dari mahkamah syariah sama ada Defendan dan Isteri Defendan telah bercerai talak 1 melalui taklik dalam bentuk yang Plaintiff tahu tidak pernah dilafazkan boleh memberikan gambaran kepada seseorang yang munasabah seolah-olah mahu Defendan dipisahkan daripada isterinya dan boleh membawa kepada keruntuhan rumah tangga mereka. Justeru, Mahkamah ini bersetuju dengan dapatan Hakim Mahkamah Sesyen tersebut.

[27] Mengenai kenyataan yang kedua pula, Plaintiff sendiri tidak mempertikaikan bahawa beliau telah mendapatkan perintah *mufaraqah* yang menyekat Defendan daripada berjumpa Isteri Defendan dan anaknya. Perintah *mufaraqah* itu juga telah dipohon oleh Plaintiff tanpa berbincang terlebih dahulu sama ada dengan Defendan mahupun Isteri Defendan sama ada mereka sanggup untuk tinggal berasingan secara sukarela sehingga lafaz cerai mereka disahkan oleh mahkamah syariah. Oleh yang demikian juga, Mahkamah ini menerima dan bersetuju dengan dapatan Hakim Mahkamah Sesyen bahawa kenyataan kedua tersebut adalah benar.

[28] Seterusnya mengenai kenyataan ketiga pula, kenyataan bahawa Isteri Defendan telah diambil oleh penguatkuasa agama lanjutan daripada perintah *mufaraqah* adalah merupakan suatu fakta dan benar. Kenyataan Defendan ini tidak dicabar oleh Plaintiff. Maka dengan demikian, Mahkamah ini bersetuju dengan dapatan Hakim Mahkamah Sesyen bahawa kenyataan tersebut adalah benar dan Hakim Mahkamah Sesyen tidak terkhilaf.

[29] Berkenaan dengan kenyataan keempat pula, sepertimana dengan kenyataan ketiga, adalah didapati juga bahawa Plaintiff telah gagal menyatakan secara spesifik perkataan-perkataan yang diadukan tersebut sebagai fitnah. Lantaran menjadikan hantaran (*posting*) kenyataan ketiga dan keempat tersebut merupakan posting yang berkisarkan tentang kejadian yang berlaku kepada rumah tangga Defendan dan isteri Defendan. Ini jelas diakui oleh SP1 semasa pemeriksaan balas bahawa kenyataan ketiga dan kenyataan keempat yang dihantar oleh Defendan adalah berkisar tentang apa yang terjadi kepada rumah tangga Defendan dan Isteri Defendan. Malahan SP1 juga bersetuju bahawa hantaran tersebut tidak menyatakan atau merujuk kepada nama Plaintiff sendiri pun. Hakim Mahkamah Sesyen telah mendapati bahawa kenyataan Defendan tersebut boleh dijustifikasikan atas alasan ia sebenarnya merujuk kepada suami Plaintiff dan bukannya merujuk kepada Plaintiff sendiri adalah tepat dan benar. Justeru, Mahkamah ini berpandangan bahawa dapatan Hakim

Mahkamah Sesyen adalah tepat dan tidak terkhilaf dari segi undang-undang dan fakta.

[30] Dalam kes *Abdul Rahman bin Mamat lwn Zakaria bin Senik dan lain-lain* [2002] 7 MLJ di mana mahkamah memutuskan:

“(2) Adalah prinsip undang-undang bahawa perkataan-perkataan yang diadukan harus dibaca dan dipertimbangkan secara menyeluruh ...

Artikel tersebut, pada keseluruhannya, sekiranya ia merujuk kepada plaintiff sekalipun, adalah tidak berbentuk fitnah kerana ia berdasarkan kepada fakta kejadian yang telah berlaku dan status pembaca khutbah itu. Penerbitan artikel tersebut oleh defendan keenam cuma menggambarkan apa yang sebenar telah berlaku mengikut pandangan defendan pertama yang hadir semasa kejadian.”

Isu pembuktian ke atas gantirugi (damages)

[31] Mahkamah ini telah meneliti kepada Memorandum Rayuan Terpinda yang telah difailkan oleh Plaintiff dalam rayuan ini. Meneliti kepada setiap alasan dalam Memorandum Rayuan Terpinda tersebut, Mahkamah ini mendapati bahawa isu kuantum gantirugi tiada dinyatakan langsung. Adalah prinsip undang-undang di peringkat rayuan bahawa pihak-pihak adalah terikat dengan skop rayuan sepertimana yang diplid dalam memorandum rayuan.

[32] Dalam kes *Ranjan Paramalingam & Anor. v. Persatuan Penduduk Taman Bangsar Kuala Lumpur* [2023] CLJU 30, Mahkamah Rayuan telah memutuskan antara lain bahawa:

“[14] Then, corresponding to the principle of pleadings, the plaintiffs are bound by the scope of appeal to the appellate court as mentioned in the Notice of Appeal and the reasons listed in the Memorandum of Appeal can be construed as the pleadings at the appellate stage...”

(Penekanan ditambah)

[33] Justeru, Mahkamah ini berpandangan bahawa isu kuantum gantirugi yang dihujahkan oleh pihak Plaintiff tidak perlu dipertimbangkan. Sebagai alternatif sekiranya kuantum gantirugi untuk dipertimbangkan atau ditaksirkan, Plaintiff telah gagal untuk membuktikan kesemua atau mana-mana satu elemen kerugian sepertimana yang dinyatakan dalam keputusan kes *Sundra Rajoo Nadarajah v. Mohd Rayus Abdul Rahim* [2023] CLJU 1395 yang memutuskan bahawa:

“313. In assessing the quantum of damages against the three purposes as submitted above, several considerations must be looked at...

- a. *The gravity or seriousness of the allegation;*
- b. *The size and influence or extent of the circulation;*
- c. *The effect of the publication;*
- d. *The extent and nature of the claimant's reputation;*
- e. *The behaviour or conduct of the defendant including absence of remorse; and*
- f. *f The behaviour of the claimant.”*

[34] Walaupun Plaintiff dalam tuntutananya menuntut juga gantirugi teladan dan gantirugi teruk berjumlah RM1,000,000.00, Mahkamah ini bersetuju dengan Hakim Mahkamah Sesyen yang menolak tuntutan gantirugi tersebut memandangkan kenyataan-kenyataan yang disiarkan oleh Defendan adalah merupakan suatu kenyataan yang hanya bersifat pertanyaan dan pernyataan fakta berkisar isu rumah tangga dan kes di mahkamah Syariah yang melibatkan Plaintiff, Defendan dan Isteri Defendan.

[35] Oleh yang demikian, Mahkamah ini bersetuju dengan keputusan Hakim Mahkamah Sesyen yang menolak tuntutan gantirugi-gantirugi tersebut dan tiada kekhilafan oleh Hakim Mahkamah Sesyen dari segi undang-undang dan fakta.

Keputusan

[36] Setelah meneliti Rekod Rayuan secara keseluruhan dan mengambil kira penghujahan oleh pihak-pihak serta dapatan-dapatan terhadap isu-isu di atas, Mahkamah ini mendapati tiada keperluan untuk campur tangan rayuan (*appellate intervention*).

[37] Oleh yang demikian, Mahkamah ini telah menolak rayuan oleh Plaintiff dengan kos sebanyak RM2000.00. Keputusan dan penghakiman oleh Hakim Mahkamah Sesyen yang menolak tuntutan Plaintiff adalah dikekalkan.